

Kunjungan perpisahan mantan Panglima RSAF



MENTERI Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof (kanan) semasa menerima kunjungan perpisahan daripada mantan Panglima Angkatan Udara Republik Singapura (RSAF), Mejar Jeneral Mervyn Tan.

RIMBA, Isnin, 8 April. - Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB) menerima lawatan perpisahan daripada mantan Panglima Angkatan Udara Republik Singapura (RSAF), Mejar Jeneral Mervyn Tan.

Sejurus tiba di Markas Pangkalan Tentera Udara, Rimba, Mejar Jeneral Mervyn Tan

menerima tabik hormat, seterusnya memeriksa kawalan kehormatan yang terdiri daripada 52 anggota TUDB yang diketuai oleh Kapten (U) Awang Mohamad Wafiy bin Haji Mohd. Salleh.

Atur cara diikuti dengan kunjungan perpisahan kepada Pemerintah TUDB, Brigadier Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Haji Hamzah bin Haji Sahat di markas berkenaan.

Kemudian, Mejar Jeneral Mervyn Tan juga mengadakan kunjungan perpisahan kepada Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof dan Pemangku Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Laksamana Pertama Pengiran Dato Seri Pahlawan Norazmi bin Pengiran Haji Muhammad di Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garrison.

Mejar Jeneral Mervyn Tan sebelum ini telah membuat Lawatan Pengenalan ke Negara



PEMANGKU Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Laksamana Pertama Pengiran Dato Seri Pahlawan Norazmi bin Pengiran Haji Muhammad (kanan) semasa menerima kunjungan perpisahan daripada Mejar Jeneral Mervyn Tan.

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Ihsan Kementerian Pertahanan

Brunei Darussalam pada bulan 11 Oktober 2016, yang mana beliau telah menerima Lencana Juruterbang Kehormat ABDB sebagai tanda penghargaan ke atas perkhidmatan cemerlang, usaha-usaha bernilai dan sumbangan beliau dalam mengeratkan hubungan di antara TUDB dan RSAF.

Beliau telah digantikan oleh Brigadier Jeneral Kelvin Khong sebagai Ketua Turus RSAF pada 22 Mac 2019.

Sebelum menjadi Ketua Turus RSAF, beliau memegang jawatan sebagai Pengarah Perisikan dan C4I untuk Organisasi Perisikan Tentera, Angkatan Tentera Republik Singapura (ATRS).

Beliau lulus menjalani latihan Sekolah Pegawai Kadet ATRS pada tahun 1991 dan pernah memegang jawatan-jawatan kanan dalam bidang operasi dan pegawai staf.

Pencapaian TURS semasa di bawah pimpinan beliau termasuklah mengendalikan operasi Pertahanan Udara semasa Sidang Kemuncak Amerika Syarikat - Korea Utara dan menangani ancaman bom di dalam penerbangan Scoot TR634, penglibatan dalam gabungan antarabangsa memerangi kumpulan IS di Timur Tengah serta sumbangan terhadap misi Bantuan Kemanusiaan dan Bencana Alam di persada serantau dan antarabangsa.



PEMERINTAH Tentera Udara Diraja Brunei, Brigadier Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Haji Hamzah bin Haji Sahat (kanan) menerima kunjungan perpisahan daripada Mejar Jeneral Mervyn Tan.

Pupuk minat keusahawanan

Berita dan Foto :
Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal (kanan) semasa merasmikan Majlis Perasmian Hari Keusahawanan UNISSA 2019.

GADONG, Isnin, 8 April. - Dalam memupuk kesedaran dalam diri kalangan warganya, khususnya peri pentingnya menceburkan diri dalam bidang keusahawanan yang dapat memberikan manfaat kepada perkembangan ekonomi serta negara, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) sekali lagi mengadakan Hari Keusahawanan 2019 UNISSA (HKU 2019), bertempat di Pekarangan Kampus UNISSA, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat menyempurnakan pelancaran HKU 2019 ialah Rektor UNISSA,

Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal.

HKU 2019 merupakan kali kedua ia diadakan dengan menarik penyertaan sekitar 50 penyertaan terdiri daripada warga UNISSA dan alumni UNISSA serta menyediakan gerai-gerai 'One Stop Start Up' dari agensi-agensi terpilih untuk memudahkan para pengunjung mendapatkan maklumat secara langsung mengenai produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh agensi berkenaan, seperti BIBD 360; BIBD MSME; Darussalam Enterprise; Bahagian

Kawalan Makanan Halal; Bahagian Pendidikan dan Lanjutan; Institute of Brunei Technical Education (IBTE); Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE); Yesinv Management Services Sdn. Bhd., dan UNISSA Entrepreneurship Projects.

Terdahulu, Dekan Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam, UNISSA, Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani semasa berucap menjelaskan, penganjuran tersebut mengambil kira kejayaan penganjurannya terdahulu pada tahun 2018 serta maklum balas positif daripada para peserta menjadikan faktor pendorong yang kuat untuk menjadikan Hari Keusahawanan ini sebagai aktiviti tahunan fakulti berkenaan.

Menurut beliau lagi, HKU 2019 kali ini diperkasakan oleh BIBD dalam peranannya mengembang majukan bidang keusahawanan di negara ini yang sekali gus dapat membantu merealisasikan Wawasan Brunei 2035, di samping mengetengahkan penyertaan lapan peserta Program BIBDSEEDS terdiri daripada para ibu tunggal yang menerima bantuan dana Zakat BIBD.

HKU 2019 selama dua hari diisikan dengan aktiviti jualan

serta Sesi Perkongsian Info dari agensi-agensi yang berkaitan seperti Registrar of Companies and Business Name; JobCentre Brunei; BIBD; Teachmeguru; Darussalam Enterprise; Bahagian Kawalan Makanan Halal dan Bank Usahawan.

HKU 2019 turut menampilkan

finalis usahawan tempatan berjaya dari PAZ Tarbiyyah Islamic Enrichment Centre; Syarikat Ukhuwwah Venture; Al-Huffaz Management; Yesinv Management Services Sdn. Bhd., dan Syarikat ECO Nadi Agrobiz pada sesi forum yang diadakan.



PARA usahawan tempatan yang menyertai Hari Keusahawanan UNISSA 2019.